

31 JUL 2002

LID-MAHATHIR (BERSARA)/I

DR M DIMINTA KEKAL AKTIF SEBAGAI RAKAN PINTAR SELEPAS BERSARA

Oleh: Mohd Arshi Daud

LANGKAWI, 31 Julai (Bernama) -- Para peserta perkongsian pintar mahukan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus memainkan peranan aktif dalam dialog perkongsian pintar walaupun selepas bersara sebagai Perdana Menteri tahun depan, kata Datuk Dr Ahmed Tasir Lope Pihie, presiden dan ketua eksekutif Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MiGHT).

"Saya sudah pun mendapat komen dan permintaan daripada rakan saya di sini meminta Yang Amat Berhormat Dr Mahathir supaya kekal aktif dalam dialog selepas persaraan beliau," katanya dalam satu temubual di sini.

Gesaan supaya Dr Mahathir terus memberikan idea bernas kepada dialog perkongsian pintar itu diterima daripada rakan pintar Afrika dan Malaysia.

Dr Mahathir mengumumkan persaraan daripada semua jawatan kerajaan dan parti pada Perhimpunan Agung Umno Jun lepas tetapi beliau telah diminta oleh Majlis Tertinggi Umno supaya terus memegang jawatan itu sehingga Oktober tahun depan.

Bercakap pada acara sampingan mesyuarat persediaan Kumpulan Eksekutif Bersama (JEG) bagi Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2002 di sini, Dr Ahmed menyifatkan sumbangan Dr Mahathir kepada dialog berkenaan sebagai "hebat, istimewa, tiada tandingan dengan yang lain."

JEG bertanggungjawab bagi penganjuran dan pengelolaan Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2002. Dialog tahun ini menggabungkan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

MiGHT dan Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) adalah penganjur bersama LID 2002.

Dr Mahathir yang mengilhamkan dialog pertama perkongsian pintar pada 1995, merupakan penaung LID 2002.

Sambil menekankan bahawa peranan Dr Mahathir pada dialog berkenaan amat diperlukan, Dr Ahmed berkata: "Itu hanya harapan kami dan terpulang kepada beliau untuk memutuskannya."

Dr Ahmed berkata bukan sesuatu yang asing untuk melihat bekas ketua-ketua kerajaan memainkan peranan aktif dalam dialog-dialog selepas bersara.

Sebagai contoh, beliau berkata bekas presiden Botswana Sir Ketumile Masire terus menjadi peserta yang aktif.

Ditanya sama ada para peserta LID 2002 akan mengemukakan usul khas supaya Dr Mahathir terus aktif dalam dialog-dialog itu, Dr Ahmed berkata: "Saya tidak tahu. Kami penganjur tidak menetapkan agenda tertentu atau mengatur keputusan terlebih dahulu. Terpulanglah kepada para peserta."

-- BERNAMA

MAD SHY TS NHD LAT